

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS  
MENYAMBUT ULANGTAHUN YANG KELIMA  
PERNAS DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR  
PADA 4HB JANUARI, 1975

Y.M. Tengku Shariman, Y.M. Tengku Tan Sri Razaleigh, Dif-dif  
terhormat, saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak  
terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah PERNAS  
kerana sudi menjemput saya berdua ke Majlis Ulangtahun Kelima  
penubuhannya malam ini.

Oleh kerana kita masih berada dalam suasana tahun baru, saya  
mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada  
dif-dif sekalian, dan lebih-lebih pula kepada PERNAS serta  
diiringi dengan harapan semoga tahun 1975 membawa hasil yang  
baik serta kejayaan cemerlang kepada PERNAS dan syarikat  
anaknya.

Tidak berapa lama dulu, sebuah pertubuhan yang penting telah  
mengadakan majlis peringkat ulangtahun seperti ini iaitu LPN.  
Saya dapati ada satu interesting co-incidence dalam kedua-dua  
peristiwa ini iaitu kebetulan PERNAS dan LPN telah mendapat  
Pengerusi baru berikutan dengan Pilihanraya Nasional bulan Ogos  
lalu. Di LPN, Tan Sri Syed Nasir digantikan oleh Encik Sopiee dan  
di PERNAS, Tan Sri Tengku Razaleigh digantikan oleh Tengku  
Shahriman hanya bezanya sedikit Pengerusi baru PERNAS ini  
bukan seorang Politician seperti Pengerusi Lama

Saudara-saudara sekalian,

Sedia dimaklum, PERNAS telah ditubuhkan dengan tujuan  
tertentu semasa zaman MAGERAN atau NOC dulu dan  
memulakan operasinya pada 1 haribulan Januari, 1970. Tugas  
utama PERNAS ialah supaya menjadi jentera penyertaan Bumi-  
putra yang berkesan dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Saya telah meminta Y.M. Tengku Razaleigh mengetuai  
PERNAS sungguhpun saya tahu beliau itu sangat banyak urusan

di Bank Bumiputra dan lain-lain lagi. Saya bersyukur kepada Allah kerana dalam tempoh lima tahun dibawah pimpinan Tengku Razaleigh itu, PERNAS telah mencatatkan kejayaan penting dengan usahanya sendiri dan juga melalui usaha-bersama dengan beberapa firma besar seperti Plessey, Sime Darby, Marubeni dan Goodyear.

Saya sangat puashati dengan kegiatan PERNAS dan subsidiarinya dalam berbagai bidang dan lapangan yang mana menjadikan nama PERNAS "an honourable word" di kampung dan bandar terutama dikalangan business circle. Sudah tentulah dalam organisation yang besar seperti itu ada yang lebih wajar daripada yang lain dan saya sukalah menyebut for special mention PERNAS Engineering sebagai salah satu subsidiary yang terkemuka. Begitu juga sejak dibaharui hubungan dagang dengan Republik Rakyat China, PERNAS Trading telah menjalankan peranan besar sebagai intermediary dengan pertubuhan dagangan di RRC. Atas arahan saya sendiri, PERNAS juga menjalankan kegiatan wholesale supply melalui PERNAS Edar dan saya sukacita mendapat tahu sambutan terhadap usaha ini sangat menggalakkan.

Baru-baru ini PERNAS maju setapak lagi ke depan menyertai bidang advertising dan public relations dengan lahirnya PTM Thompson Advertising dan PTM Communications Berhad iaitu joint-venture enterprise bersama-sama Tourist Development Corporation, MAS dan Thompson. Tidak syak lagi melalui kedua-dua syarikat subsidiary ini kegiatan PERNAS akan lebih terkenal kepada orang ramai, baik didalam mahupun diluar negeri. Pendek kata, dengan subsidiary yang 34 dan 35 ini, boleh dikatakan PERNAS menyertai semua bidang kegiatan perdagangan dan perindustrian sebagai memenuhi polisi objektifnya yang asal itu.

Majlis seperti ini bukanlah tempat untuk bercakap panjang tentang dasar dan matlamat kerajaan, tambahan pula semua ini adalah dalam makluman kita semua. Bagaimanapun, saya suka mengingatkan para pegawai dan kakitangan PERNAS bahawa adalah mustahak mereka sentiasa ingat serta menjaga dasar dan matlamat PERNAS ini. Saya percaya PERNAS boleh memainkan peranannya dengan berkesan dan sempurna asal saja setiap pegawai dan kakitangan memahami hakikat bahawa PERNAS ialah untuk rakyat meskipun dalam bentuk pertubuhan perniagaan. Begitu juga patut diingat dalam sebuah modern business

organisation yang sedang berkembang, mustahaklah sentiasa ada ko-ordinasi antara PERNAS, UDA dan MARA yang masing-masing mempunyai peranan dan menjalankan arahan mempesatkan penyertaan Bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian.

With rapid growth in any sector, comes a greed not only for understanding, but equally important, for effective co-ordination. In fact, the co-ordination of all of PERNAS's current activities and future growth has become of paramount importance, if it is to retain its successful record in the years ahead — especially its continuing mutually supporting and beneficial relationship with two other statutory bodies in particular MARA — an organisation dedicated to the training of Bumiputras and UDA, dedicated to encouraging and establishing the essential infrastructure for the effective participation of Bumiputra in commerce and industry.

Dif-dif terhormat, saudara-saudara sekalian,

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan PERNAS atas persediaan majlis yang meriah malam ini. Saya suka juga mengulangi ucapan terima kasih kepada Tengku Razaleigh atas khidmat baktinya memimpin PERNAS selama lima tahun ini dan saya percaya beliau akan dapat memenuhi harapan saya dalam tugasnya yang baru di PETRONAS. Kepada Pengerusi Baru, Datuk Tengku Shahrman, saya meletakkan harapan semoga dibawah pimpinannya PERNAS akan melihat perkembangan penting dan mencapai kejayaan yang lebih besar lagi.

Akhir kata, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan serta kerjasama kepada PERNAS dalam usaha bersama and I look forward to the continuing good relations, support and mutually beneficial relationship between the private sector in this country and PERNAS.

Terima kasih.